



PARLIMEN MALAYSIA



rukun negara

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA
mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:-

**Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan**



KANDUNGAN

- 4** Pengenalan
 - 6** Kuasa Parlimen
 - 6** Fungsi Parlimen
 - 6** Keistimewaan Parlimen
 - 7** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong
 - 8** Dewan Negara
 - 15** Dewan Rakyat
 - 25** Proses Penggubalan Undang-Undang
 - 27** Sekretariat Parlimen
 - 28** Soalan Lazim
-

Sumber:

www.parlimen.gov.my

Penyelaras:

Iza Kasmiza Kasmijan



PENGENALAN

Parlimen merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen Malaysia merupakan lambang struktur demokrasi kerajaan dan mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang terpilih.

Bagi membolehkan Parlimen menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan dengan lebih berkesan, Perlembagaan telah memperuntukkan beberapa hak dan pengecualian kepada Ahli Parlimen yang dipanggil "Keistimewaan Ahli-ahli Parlimen".



Parlimen akan terus bersidang selama lima tahun dari tarikh pertama persidangan diadakan selepas pilihan raya umum kecuali ianya dibubarkan terlebih dahulu. Setelah genap tempoh masa lima tahun, Parlimen dengan sendirinya terbubar. Dalam tempoh masa 60 hari, pilihan raya umum bagi memilih wakil-wakil Dewan Rakyat mestilah diadakan. Selepas itu persidangan Parlimen hendaklah ditetapkan pada satu tarikh yang tidak melebihi 120 hari dari tarikh Persidangan Pertama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang diadakan pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman merupakan sejarah penting tanah air kerana buat julung kalinya Parlimen Persekutuan telah bersidang dengan ahli-ahlinya. Persidangan Parlimen tersebut telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad.



**PARLIMEN
BERSIDANG
5 TAHUN**

**PRU dilaksanakan
dalam tempoh
60 HARI SELEPAS
Parlimen dibubarkan**



**Akan
TERBUBAR
SENDIRI selepas
GENAP 5 TAHUN atau
dibubarkan awal**



**PARLIMEN
perlu bersidang
antara tempoh
tidak lebih
120 HARI**



5

Parlimen Malaysia

KUASA PARLIMEN

PARLIMEN

berkuasa membuat undang-undang yang ditentukan oleh **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA** menerusi **PERKARA 66 HINGGA 68, BAB 5, BAHAGIAN 4**



FUNGSI PARLIMEN

- Meluluskan dan membuat pindaan undang-undang persekutuan
- Memeriksa dasar-dasar kerajaan
- Meluluskan perbelanjaan kerajaan
- Meluluskan hasil-hasil cukai yang baru
- Menjadi forum untuk membincangkan perkara berkaitan kepentingan orang ramai



6



KEISTIMEWAAN PARLIMEN

Apakah KEABSAHAN?

Apa-apa prosiding di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen atau dalam mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah



TIADA seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberikan olehnya semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding mana-mana satu Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya.



TIADA seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan oleh atau di bawah kuasa mana-mana satu Majlis Parlimen.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Mengikut Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, hanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja boleh memanggil Parlimen untuk bersidang. Baginda juga mempunyai kuasa mutlak untuk menghentikan atau pun membubarkan Parlimen. Justeru, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan oleh Perlembagaan untuk menetapkan persidangan Parlimen dalam tempoh masa enam bulan di antara persidangan yang lepas dalam penggal terakhir dan tarikh mesyuarat pertama dalam persidangan penggal akan datang. Walaubagaimanapun, Baginda tidak mempengerusikan persidangan kedua-dua Dewan tetapi Baginda hanya menyampaikan titah ucapan semasa perasmian Parlimen setiap tahun.

**Kebawah Duli
Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
XVI Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa
Billah Shah Ibni Almarhum
Sultan Haji Ahmad Shah
Al-Musta'in Billah**

Negeri: Pahang
Tempoh: 31 Januari 2019 - kini



26

AHLI

dipilih oleh **DEWAN
UNDANGAN NEGERI**
mewakili **13 BUAH NEGERI**



44

AHLI

dilantik oleh **SPB Yang
di-Pertuan Agong**



UNTUK LAYAK MENJADI AHLI,
seseorang calon perlu memenuhi kriteria di bawah:

**Warganegara
Malaysia**

**Sempurna
akal fikiran**

**Berumur tidak
kurang 30 tahun**

**Tidak
mufliis**

Tempoh jawatan dipegang selama satu penggal (tiga tahun) dan boleh disambung sebanyak satu penggal lagi. Sama ada dilantik pada peringkat Persekutuan atau pemilihan peringkat negeri.

Setiap ahli dimestikan untuk mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Pengerusi Dewan Negara digelar Yang di-Pertua Dewan Negara. Yang di-Pertua mestilah juga seorang ahli Dewan Negara. Yang di-Pertua Dewan Negara dibantu oleh seorang Timbalan yang hendaklah juga seorang ahli Dewan Negara.

Kedudukan Dewan Negara dan ahlinya tidak terkesan dengan pembubaran Parlimen. Ahli-ahli Dewan Negara dilantik atau dipilih dari kalangan mereka yang menyumbang khidmat atau pencapaian cemerlang dalam profesion masing-masing iaitu dalam perdagangan, industri, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau merupakan wakil kumpulan bangsa minoriti.

DEWAN NEGARA
terdiri seramai

70
AHLI



TUGAS-TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Bertanggungjawab

mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan lancar;

Memastikan

perbahasan ada berkaitan dengan perkara yang dibahaskan; dan

Membuat keputusan

mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat sekiranya berlaku perbalahan.

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua perlu melepaskan jawatan setelah tempoh keahlian di Dewan Negara tamat.

Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang akan memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara hendaklah melepaskan kerusi Dewan Undangan Negeri sekiranya ingin menjawat jawatan ini.



**Yang di-Pertua
Dewan Negara**



**Timbalan Yang
di-Pertua Dewan
Negara**



**Setiausaha
Dewan Negara**

YB Senator Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran merupakan Yang di-Pertua Dewan Negara terkini yang dilantik pada 26 April 2016.

YB Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad pula merupakan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara terkini yang dilantik pada 18 April 2016.

YBrs. Riduan bin Rahmat merupakan Setiausaha Dewan Negara yang dilantik pada 8 September 2014. Beliau dipertanggungjawabkan untuk memantau perjalanan persidangan di Dewan Negara, membantu dan memberi nasihat kepada Yang di-Pertua Dewan Negara ketika Dewan bersidang.

SENARAI AHLI DEWAN NEGARA

BIL.	NAMA	LANTIKAN
1	SA. Vigneswaran, YB Senator Tan Sri Dato' Sri	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
2	Abd Halim bin Abd Samad, YB Senator Datuk Seri Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
3	Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, YB Senator Datuk	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Sabah
4	Abdullah bin Salleh, YB Senator Datuk Haji	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Melaka
5	Adrian Lasimbang, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
6	Ahmad Azam bin Hamzah, YB Senator Dr.	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Negeri Sembilan

BIL.	NAMA	LANTIKAN
7	Aknan a/l Ehtook, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
8	Alan Ling Sie Kiong, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
9	Ananthan a/l Somasundaram, YB. Senator Dato' Dr.	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Kedah
10	Asmak binti Husin, YB Senator Puan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Kelantan
11	Bashir bin Haji Alias, YB. Senator Datuk Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
12	Bathmavathi Krishnan, YB Senator Puan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
13	Chai Kim Sen, YB Senator Dato'	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
14	Donald Peter Mojuntin, YB Senator Datuk	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Sabah
15	Fahariyah binti Hj. Md Nordin, YB Senator Dato'	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
16	Hanafi bin Haji Mamat, YB Senator Datuk Sr. Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
17	Husain bin Awang, YB Senator Dato'	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Terengganu
18	Husam bin Musa, YB Senator Datuk Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
19	Ibrahim Shah bin Abu Shah, YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr.	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
20	Isa bin Ab. Hamid, YB Senator Dato'	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
21	Ismail bin Ibrahim, YB Senator Datuk Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
22	Ismail bin Yusop, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Perak
23	John Ambrose, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
24	Kamarudin bin Abdun, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Perlis
25	Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair, YB Senator Dato'	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Negeri Sembilan
26	Khairudin bin E.S. Abd Samad, YB Senator Dato' Sri	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
27	Khairul Azwan bin Harun, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
28	Lee Tian Sing, YB Senator Datuk	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Melaka
29	Liew Chin Tong, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong



BIL.	NAMA	LANTIKAN
30	Lim Hui Ying, YB Senator Puan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Pulau Pinang
31	Lim Pay Hen, YB Senator Datuk	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Johor
32	Manolan bin Mohamad, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
33	Marzuki bin Yahya, YB Senator Dato' Hj.	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
34	Md Nasir bin Hashim, YB Senator Ir.	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
35	Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oмарdin, YB Senator Datuk Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
36	Mohamad Imran bin Abd Hamid (B), YB Senator Laksamana Pertama Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
37	Mohan a/l Thangarasu, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
38	Mohd Radzi bin Md Jidin, YB Senator Dr.	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
39	Mohd Suhaimi bin Abdullah, YB Senator Dato' Haji	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Kedah
40	Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Pulau Pinang
41	Muhamad bin Mustafa, YB. Senator Tuan Haji	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Kelantan
42	Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
43	Ng Chiang Chin, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
44	Nga Hock Cheh, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Perak
45	Nuing Jeluing, YB Senator Dr.	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Sarawak
46	Nuridah binti Mohd Salleh, YB Senator Hajjah	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Terengganu
47	Ong Chong Swen, YB Senator Dato'	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
48	Paul Igai, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
49	Rabiyah binti Ali, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
50	Rahemah binti Idris, YB Senator Puan Hajjah	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
51	Rahimah binti Haji Mahamad, YB Senator Datin	Dilantik Yang di-Pertuan Agong

BIL.	NAMA	LANTIKAN
52	Raj Munni binti Sabu, YB Senator Puan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
53	Raja Kamarul Bahrin Shah ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, YBM Senator Dato'	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
54	Razali bin Idris, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
55	Sabani binti Mat, YB Senator Puan Hajah	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Perlis
56	Sambanthan a/l Manickam, YB. Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
57	Siti Fatimah binti Yahaya, YB Senator Puan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Pahang
58	Sopiah binti Sharif, YB Senator Puan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
59	Suresh Singh Rashpal Singh, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Selangor
60	Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
61	Theodore Douglas Lind, YB Senator Datuk	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
62	Ti Lian Ker, YB Senator Dato' Sri	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Pahang
63	Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, YB Senator Tuan	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
64	Yaakob bin Sapari, YB Senator Dr.	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Selangor
65	Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, YB Senator Datuk Haji	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
66	Yong Wui Chung, YB Senator Datuk Ir.	Dilantik Yang di-Pertuan Agong
67	Zahari bin Sarip, YB Senator Dato'	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Johor
68	Zaiedi bin Haji Suhaili, YB Senator Tuan	Dipilih oleh Dewan Undangan Negeri - Sarawak

*** maklumat sah sehingga tarikh buku ini dicetak (Julai 2019)

*** untuk senarai terkini, boleh rujuk <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan-dn.html?uweb=dn&>



13

BILANGAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN PILIHAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

LANTIKAN	BILANGAN
LANTIKAN AGONG	42
JUMLAH A	42

PILIHAN NEGERI	BILANGAN
Pahang	2
Terengganu	2
Perlis	2
Selangor	2
Negeri Sembilan	2
Johor	2
Perak	2
Kedah	2
Kelantan	2
Pulau Pinang	2
Melaka	2
Sabah	2
Sarawak	2
JUMLAH B	26
JUMLAH A+B	68

Dewan Rakyat dianggotai seramai 222 ahli dan setiap ahli mewakili satu kawasan pilihan raya. Ahli-ahli dipilih atas dasar sokongan ramai melalui pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun. Parti yang memperoleh kerusi majoriti akan membentuk kerajaan Persekutuan bagi mentadbir negara.

Kelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang dari 21 tahun.
- Sempurna akal.
- Bukan seorang muflis.
- Seorang ahli tidak boleh memegang jawatan kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam satu masa.

DEWAN RAKYAT

Sebelum memegang sebarang kerusi dalam Parlimen, setiap ahli dimestikan mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ahli tersebut hendaklah bersumpah atau berjanji bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli Dewan sebaik yang mungkin dan taat setia kepada Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh dipilih dikalangan ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun bukan di kalangan ahli-ahli Dewan Rakyat yang mempunyai kelayakan.

TUGAS-TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan lancar;

Memastikan perbahasan mematuhi Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat; dan

Membuat keputusan dan tafsiran mengenai Peraturan-Peraturan Mesyuarat sekiranya wujud pertikaian

Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh melepaskan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatan tersebut sekiranya

Dewan Rakyat mula bersidang selepas pilihan raya;

Berhenti menjadi ahli Dewan Rakyat jika beliau ahli Dewan yang dipilih; dan

Jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan untuk Yang di-Pertua mengosongkan jawatan tersebut



15



Yang di-Pertua Dewan Rakyat

YB Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof merupakan Yang di-Pertua Dewan Rakyat terkini yang dilantik pada 16 Julai 2018.



Timbalan-Timbalan YDP Dewan Rakyat

YB Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon dan YB Tuan Nga Kor Ming yang masing-masing dilantik pada 16 Julai 2018 merupakan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat membantu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mereka mempengerusikan persidangan secara bergilir semasa ketiadaan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.



Setiausaha Dewan Rakyat

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah merupakan Setiausaha Dewan Rakyat terkini yang dilantik pada 26 Disember 2007. Beliau dipertanggungjawabkan terhadap perjalanan persidangan Dewan Rakyat dan membantu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam hal berkaitan Dewan ketika bersidang. Antara tugas lain termasuklah mengemukakan notis untuk memulakan persidangan, menguruskan notis-notis usul, risalat-risalat, Aturan Urusan Mesyuarat (AUM), Undi-Undi Perjalanan Mesyuarat dan soalan-soalan daripada ahli-ahli Dewan serta mengeluarkan Penyata Rasmi (hansard) bagi persidangan.



SENARAI AHLI DEWAN RAKYAT

BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
PERLIS				
1	P001	YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN	BN - UMNO	PADANG BESAR
2	P002	YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD	PH - PKR	KANGAR
3	P003	YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM	BN - UMNO	ARAU
KEDAH				
4	P004	YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD	PH - PPBM	LANGKAWI
5	P005	YB DATO' SERI HAJI MUKHRIZ TUN DR. MAHATHIR	PH - PPBM	JERLUN
6	P006	YB DATO' IR. HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH	PH - PPBM	KUBANG PASU
7	P007	YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID	BN - UMNO	PADANG TERAP
8	P008	YB DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR	PH - AMANAH	POKOK SENGA
9	P009	YB TUAN CHAN MING KAI	PH - PKR	ALOR SETAR
10	P010	YB DR. AZMAN BIN ISMAIL	PH - PKR	KUALA KEDAH
11	P011	YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM	PAS	PENDANG
12	P012	YB TUAN SABRI BIN AZIT	PAS	JERAI
13	P013	YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN	PAS	SIK
14	P014	YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP	PH - PKR	MERBOK
15	P015	YB DATO' JOHARI BIN ABDUL	PH - PKR	SUNGAI PETANI
16	P016	YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM	BN - UMNO	BALING
17	P017	YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI	PH - PKR	PADANG SERAI
18	P018	YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL	PH - PKR	KULIM-BANDAR BHARU
KELANTAN				
19	P019	YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI	PAS	TUMPAT
20	P020	YB USTAZ HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY	PAS	PENGKALAN CHEPA
21	P021	YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN	PAS	KOTA BHARU
22	P022	YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI	PAS	PASIR MAS
23	P023	YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF	PAS	RANTAU PANJANG
24	P024	YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN	PAS	KUBANG KERIAN
25	P025	YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ	PAS	BACHOK
26	P026	YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA	BN - UMNO	KETEREH
27	P027	YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ	PH - PPBM	TANAH MERAH
28	P028	YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH	PAS	PASIR PUTEH
29	P029	YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB	BN - UMNO	MACHANG
30	P030	YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED	PH - PPBM	JELI
31	P031	YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN	PAS	KUALA KRAI
32	P032	YB TENGKU RAZALEIGH HAMZAH	BN - UMNO	GUA MUSANG



17



BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
TERENGGANU				
33	P033	YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH	BN - UMNO	BESUT
34	P034	YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR	PAS	SETIU
35	P035	YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI	PAS	KUALA NERUS
36	P036	YB HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM	PAS	KUALA TERENGGANU
37	P037	YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG	PAS	MARANG
38	P038	YB DATO' ROSOL BIN WAHID	PH - PPBM	HULU TERENGGANU
39	P039	YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI	PAS	DUNGUN
40	P040	YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID	PAS	KEMAMAN
PULAU PINANG				
41	P041	YB DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN	BN - UMNO	KEPALA BATAS
42	P042	YB DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA	PH - PPBM	TASEK GELUGOR
43	P043	YB TUAN LIM GUAN ENG	PH - DAP	BAGAN
44	P044	YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR	PH - PKR	PERMATANG PAUH
45	P045	YB TUAN SIM CHEE KEONG	PH - DAP	BUKIT MERTAJAM
46	P046	YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO	PH - DAP	BATU KAWAN
47	P047	YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN	PH - PKR	NIBONG TEBAL
48	P048	YB TUAN WONG HON WAI	PH - DAP	BUKIT BENDERA
49	P049	YB TUAN CHOW KON YEOW	PH - DAP	TANJONG
50	P050	YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI	PH - DAP	JELUTONG
51	P051	YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH	PH - DAP	BUKIT GELUGOR
52	P052	YB TUAN SIM TZE TZIN	PH - PKR	BAYAN BARU
53	P053	YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK	PH - PKR	BALIK PULAU
PERAK				
54	P054	YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN	BN - UMNO	GERIK
55	P055	YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH	BN - UMNO	LENGGONG
56	P056	YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN	PH - PPBM	LARUT
57	P057	YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF RAWA	PH - AMANAH	PARIT BUNTAR
58	P058	YB DATO' DR HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI	PH - PPBM	BAGAN SERAI
59	P059	YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL	BEBAS	BUKIT GANTANG
60	P060	YB TUAN TEH KOK LIM	PH - DAP	TAIPING
61	P061	YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ	BN - UMNO	PADANG RENGAS
62	P062	YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM	PH - PKR	SUNGAI SIPUT
63	P063	YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU	PH - PPBM	TAMBUN
64	P064	YB TUAN WONG KAH WOH	PH - DAP	IPOH TIMUR
65	P065	YB TUAN M. KULASEGARAN	PH - DAP	IPOH BARAT

BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
66	P066	YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU	PH - DAP	BATU GAJAH
67	P067	YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID	BN - UMNO	KUALA KANGSAR
68	P068	YB DATO' NGEH KOO HAM	PH - DAP	BERUAS
69	P069	YB DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA	BN - UMNO	PARIT
70	P070	YB TUAN SU KEONG SIONG	PH - DAP	KAMPAR
71	P071	YB DR. LEE BOON CHYE	PH - PKR	GOPENG
72	P072	YB DATUK SERI M. SARAVANAN	BN - MIC	TAPAH
73	P073	YB DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN	BN - UMNO	PASIR SALAK
74	P074	YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI	PH - AMANAH	LUMUT
75	P075	YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI	BN - UMNO	BAGAN DATUK
76	P076	YB TUAN NGA KOR MING	PH - DAP	TELUK INTAN
77	P077	YB TUAN CHANG LIH KANG	PH - PKR	TANJONG MALIM
PAHANG				
78	P078	YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR	BN - UMNO	CAMERON HIGHLANDS
79	P079	YB DATO' HJ ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD	BN - UMNO	LIPIS
80	P080	YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI	PH - DAP	RAUB
81	P081	YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN BIN IDRIS	BN - UMNO	JERANTUT
82	P082	YB DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH	PH - PKR	INDERA MAHKOTA
83	P083	YB PUAN FUZIAH BINTI SALLEH	PH - PKR	KUANTAN
84	P084	YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH	BN - UMNO	PAYA BESAR
85	P085	YB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABD RAZAK	BN - UMNO	PEKAN
86	P086	YB DATO' SRI DR HJ ISMAIL BIN HJ ABD MUTTALIB	BN - UMNO	MARAN
87	P087	YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID	BN - UMNO	KUALA KRAU
88	P088	YB TUAN HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR	PH - AMANAH	TEMERLOH
89	P089	YB TUAN WONG TACK	PH - DAP	BENTONG
90	P090	YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB	BN - UMNO	BERA
91	P091	YB DATO' SRI HASAN BIN AFIN	BN - UMNO	ROMPIN
SELANGOR				
92	P092	YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH	PH - PPBM	SABAK BERNAM
93	P093	YB TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA	PH - PPBM	SUNGAI BESAR
94	P094	YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI	PH - PKR	HULU SELANGOR
95	P095	YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR	BN - UMNO	TANJUNG KARANG
96	P096	YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD	PH - AMANAH	KUALA SELANGOR
97	P097	YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN	PH - PKR	SELAYANG
98	P098	YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI	PH - PKR	GOMBAK
99	P099	YB PUAN HJH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN	PH - PKR	AMPANG



BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
100	P100	YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL	PH - PKR	PANDAN
101	P101	YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS	PH - AMANAH	HULU LANGAT
102	P102	YB DR. ONG KIAN MING	PH - DAP	BANGI
103	P103	YB TUAN GOBIND SINGH DEO	PH - DAP	PUCHONG
104	P104	YB TUAN WONG CHEN	PH - PKR	SUBANG
105	P105	YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH	PH - PKR	PETALING JAYA
106	P106	YB TUAN TONY PUA KIAM WEE	PH - DAP	DAMANSARA
107	P107	YB TUAN SIVARASA RASIAH	PH - PKR	SUNGAI BULOH
108	P108	YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD	PH - AMANAH	SHAH ALAM
109	P109	YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID	PH - PKR	KAPAR
110	P110	YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO	PH - DAP	KLANG
111	P111	YB TUAN MOHAMAD BIN SABU	PH - AMANAH	KOTA RAJA
112	P112	YB DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM	PH - PKR	KUALA LANGAT
113	P113	YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN	PH - AMANAH	SEPANG
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR				
114	P114	YB TUAN LIM LIP ENG	PH - DAP	KEPONG
115	P115	YB TUAN P. PRABAKARAN	PH - PKR	BATU
116	P116	YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW	PH - PKR	WANGSA MAJU
117	P117	YB PUAN HANNAH YEOH	PH - DAP	SEGAMBAT
118	P118	YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD	PH - PKR	SETIAWANGSA
119	P119	YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN	PH - PPBM	TITIWANGSA
120	P120	YB TUAN FONG KUI LUN	PH - DAP	BUKIT BINTANG
121	P121	YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL	PH - PKR	LEMBAH PANTAI
122	P122	YB PUAN TERESA KOK	PH - DAP	SEPUTEH
123	P123	YB TUAN TAN KOK WAI	PH - DAP	CHERAS
124	P124	YB DATO' KAMARUDIN JAFFAR	PH - PKR	BANDAR TUN RAZAK
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA				
125	P125	YB DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR	BN - UMNO	PUTRAJAYA
NEGERI SEMBILAN				
126	P126	YB DATO' JALALUDDIN BIN ALIAS	BN - UMNO	JELEBU
127	P127	YB DATO' HAJI SALIM SHARIF	BN - UMNO	JEMPOL
128	P128	YB TUAN LOKE SIEW FOOK	PH - DAP	SEREMBAN
129	P129	YB TUAN EDDIN SYAZLEE BIN SHITH	PH - PPBM	KUALA PILAH
130	P130	YB TUAN CHA KEE CHIN	PH - DAP	RASAH
131	P131	YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR	BN - UMNO	REMBAU
132	P132	YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM	PH - PKR	PORT DICKSON
133	P133	YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM	PH - AMANAH	TAMPIN
MELAKA				
134	P134	YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN	PH - PPBM	MASJID TANAH
135	P135	YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF	PH - PPBM	ALOR GAJAH

BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
136	P136	YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI	PH - PKR	TANGGA BATU
137	P137	YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR BIN HAJI MOHD. AKIN	PH - PKR	HANG TUAH JAYA
138	P138	YB TUAN KHOO POAY TIONG	PH - DAP	KOTA MELAKA
139	P139	YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH	BN - UMNO	JASIN
JOHOR				
140	P140	YB DATO' SRI DR. SANTHARA	PH - PKR	SEGAMAT
141	P141	YB PUAN HAJAH NATRAH ISMAIL	PH - PKR	SEKIJANG
142	P142	YB TUAN PANG HOK LIONG	PH - DAP	LABIS
143	P143	YB TAN SRI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN	PH - PPBM	PAGOH
144	P144	YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH	PH - PKR	LEDANG
145	P145	YB PUAN YEO BEE YIN	PH - DAP	BAKRI
146	P146	YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN	PH - PPBM	MUAR
147	P147	YB DATO' DR. NORAINI AHMAD	BN - UMNO	PARIT SULONG
148	P148	YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG	BN - MCA	AYER HITAM
149	P149	YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH	PH - PPBM	SRI GADING
150	P150	YB DATO' MOHD RASHID HASNON	PH - PKR	BATU PAHAT
151	P151	YB DR. MASZLEE BIN MALIK	PH - PPBM	SIMPANG RENGAM
152	P152	YB PUAN WONG SHU QI	PH - DAP	KLUANG
153	P153	YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN	BN - UMNO	SEMBRONG
154	P154	YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD	PH - PPBM	MERSING
155	P155	YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA	BN - UMNO	TENGGARA
156	P156	YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE	BN - UMNO	KOTA TINGGI
157	P157	YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID	BN - UMNO	PENGERANG
158	P158	YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON	PH - PKR	TEBRAU
159	P159	YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM	PH - PKR	PASIR GUDANG
160	P160	YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR	PH - PKR	JOHOR BAHRU
161	P161	YB DATO' HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB	PH - AMANAH	PULAI
162	P162	YB TUAN LIM KIT SIANG	PH - DAP	ISKANDAR PUTERI
163	P163	YB PUAN TEO NIE CHING	PH - DAP	KULAI
164	P164	YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN	BN - UMNO	PONTIAN
165	P165	YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK	PH - PPBM	TANJUNG PAI
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN				
166	P166	YB DATUK ROZMAN BIN ISLI	WARISAN	LABUAN
SABAH				
167	P167	YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI	PH-PPBM	KUDAT
168	P168	YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNNITY ONCKILI	PBS	KOTA MARUDU
169	P169	YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY	WARISAN	KOTA BELUD



BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
170	P170	YB DATUK SERI PANGlima WILFRED MADIUS TANGAU	UPKO	TUARAN
171	P171	YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN	WARISAN	SEPANGGAR
172	P172	YB TUAN CHAN FOONG HIN	PH - DAP	KOTA KINABALU
173	P173	YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI	PH - PKR	PUTATAN
174	P174	YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING	WARISAN	PENAMPANG
175	P175	YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN	WARISAN	PAPAR
176	P176	YB DATO' SRI ANIFAH BIN AMAN	BEBAS	KIMANIS
177	P177	YB DATO' HAJAH AZIZAH BINTI MOHD DUN	PH-PPBM	BEAUFORT
178	P178	YB TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA	BEBAS	SIPITANG
179	P179	YB TUAN JONATHAN BIN YASIN	PH - PKR	RANAU
180	P180	YB DATUK DR. JEFFREY KITINGAN	STAR	KENINGAU
181	P181	YB PUAN NOORITA BINTI SUAL	PH - DAP	TENOM
182	P182	YB TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP	PBRs	PENSIANGAN
183	P183	YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE	PH-PPBM	BELURAN
184	P184	YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS	PH-PPBM	LIBARAN
185	P185	YB DATUK LIEW VUI KEONG	WARISAN	BATU SAPI
186	P186	YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE	PH - DAP	SANDAKAN
187	P187	YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN	BN - UMNO	KINABATANGAN
188	P188	YB DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI	WARISAN	SILAM
189	P189	YB DATUK SERI PANGlima HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL	WARISAN	SEMPORNA
190	P190	YB DATUK CHRISTINA LIEW CHIN JIN	PH - PKR	TAWAU
191	P191	YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN	WARISAN	KALABAKAN
SARAWAK				
192	P192	YB TUAN MORDI ANAK BIMOL	PH - DAP	MAS GADING
193	P193	YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR	CPS - PBB	SANTUBONG
194	P194	YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF	CPS - PBB	PETRA JAYA
195	P195	YB DR. KELVIN YII LEE WUEN	PH - DAP	BANDAR KUCHING
196	P196	YB TUAN CHONG CHIENG JEN	PH - DAP	STAMPIN
197	P197	YB PUAN RUBIAH BINTI WANG	CPS - PBB	KOTA SAMARAHAN
198	P198	YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN	PH - PKR	PUNCAK BORNEO
199	P199	YB DATO' SRI (DR) RICHARD RIOT ANAK JAEM	GPS - SUPP	SERIAN
200	P200	YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI	CPS - PBB	BATANG SADONG
201	P201	YB DATO SRI HAJAH ROHANI BINTI ABDUL KARIM	CPS - PBB	BATANG LUPAR
202	P202	YB DATO' MASIR KUJAT	PSB	SRI AMAN
203	P203	YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT	PH - PKR	LUBOK ANTU
204	P204	YB DATUK ROBERT LAWSON CHUAT	CPS - PBB	BETONG
205	P205	YB TUAN ALI ANAK BIJU	PH - PKR	SARATOK
206	P206	YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB	CPS - PBB	TANJONG MANIS
207	P207	YB TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI	CPS - PBB	ICAN

BIL.	PARLIMEN	NAMA	PARTI	KAWASAN
208	P208	YB TUAN WONG LING BIU	PH - DAP	SARIKEI
209	P209	YB TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN	PH - PKR	JULAU
210	P210	YB DATUK AARON AGO DAGANG	GPS - PRS	KANOWIT
211	P211	YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG	PH - DAP	LANANG
212	P212	YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW	PH - DAP	SIBU
213	P213	YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB	GPS - PBB	MUKAH
214	P214	YB TUAN BARU BIAN	PH - PKR	SELANGAU
215	P215	YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI	GPS - PBB	KAPIT
216	P216	YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG	GPS - PRS	HULU RAJANG
217	P217	YB DATO' SERI TIONG KING SING	GPS - PDP	BINTULU
218	P218	YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI	GPS - PBB	SIBUTI
219	P219	YB DR. MICHAEL TEO YU KENG	PH - PKR	MIRI
220	P220	YB TUAN ANYI NGAU	GPS - PDP	BARAM
221	P221	YB TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH	GPS - PBB	LIMBANG
222	P222	YB DATO HENRY SUM AGONG	GPS - PBB	LAWAS

*** maklumat sah sehingga tarikh buku ini dicetak (Julai 2019)

*** untuk senarai terkini, boleh rujuk <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?uweb=dr&>

BILANGAN KERUSI MENGIKUT PARTI DAN NEGERI PARLIMEN KEEMPAT BELAS

NEGERI	PAKATAN HARAPAN				WRSN	UPKO	JUMLAH A
	PPBM	DAP	PKR	AMANAH			
PERLIS			1				1
KEDAH	3		6	1			10
KELANTAN	2						2
TERENGGANU	1						1
PULAU PINANG	1	7	4				12
PERAK	3	7	3	2			15
PAHANG		2	2	1			5
SELANGOR	2	4	10	5			21
WP KUALA LUMPUR	1	5	5				11
WP PUTRAJAYA							
NEGERI SEMBILAN	1	2	1	1			5
MELAKA	2	1	2				5
JOHOR	6	5	7	1			19
WP LABUAN					1		1
SABAH	4	3	3		8	1	19
SARAWAK		6	6				12
JUMLAH	26	42	50	11	9	1	139



23

NEGERI	PEMBANGKANG				JUMLAH B
	BARISAN NASIONAL			PAS	
	UMNO	MIC	MCA		
PERLIS	2				2
KEDAH	2			3	5
KELANTAN	3			9	12
TERENGGANU	1			6	7
PULAU PINANG	1				1
PERAK	7	1			8
PAHANG	9				9
SELANGOR	1				1
WP KUALA LUMPUR					
WP PUTRAJAYA	1				1
NEGERI SEMBILAN	3				3
MELAKA	1				1
JOHOR	6		1		7
WP LABUAN					
SABAH	1				1
SARAWAK					
JUMLAH	38	1	1	18	58

NEGERI	PRS	SUPP	PDP	PBB	PSB	PBRs	PBS	STAR	BEBAS	JUMLAH C	JUMLAH A+B+C
PERLIS											3
KEDAH											15
KELANTAN											14
TERENGGANU											8
PULAU PINANG											13
PERAK									1	1	24
PAHANG											14
SELANGOR											22
WP KUALA LUMPUR											11
WP PUTRAJAYA											1
NEGERI SEMBILAN											8
MELAKA											6
JOHOR											26
WP LABUAN											1
SABAH						1	1	1	2	5	25
SARAWAK	2	1	2	13	1					19	31
JUMLAH	2	1	2	13	1	1	1	1	3	25	222

*** maklumat sah sehingga tarikh buku ini dicetak (Julai 2019)

*** untuk senarai terkini, boleh rujuk www.parlimen.gov.my

PROSES PENGUBALAN UNDANG-UNDANG



RANG UNDANG-UNDANG



DEWAN RAKYAT

BACAAN KALI PERTAMA

- Bacaan tajuk panjang



BACAAN KALI KEDUA

- Prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahasakan
- Undian melalui majoriti mudah (dengan suara atau belah bahagi) / bagi pindaan perlembagaan



PERINGKAT JAWATANKUASA

- Perbahasan spesifik mengenai semua fasal, jadual dan pendahuluan rang undang-undang akan diadakan
- Pindaan-pindaan akan dibincangkan.



BACAAN KALI KETIGA

- Undian untuk kali kedua
- Tajuk panjang akan dibacakan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat



25



DEWAN NEGARA

BACAAN KALI PERTAMA

- Bacaan tajuk panjang



BACAAN KALI KEDUA

- Prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahasakan
- Undian melalui majoriti mudah (dengan suara / berbelah bahagi) / bagi pindaan perlembagaan memerlukan 2/3 majoriti



PERINGKAT JAWATANKUASA

- Perbahasan spesifik mengenai semua fasal, jadual dan pendahuluan rang undang-undang akan diadakan
- Pindaan-pindaan akan dibincangkan



BACAAN KALI KETIGA

- Undian untuk kali kedua
- Tajuk panjang akan dibaca dan diluluskan oleh Dewan Rakyat



PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG



DIWARTA DAN DICETAK



UNDANG-UNDANG

SEKRETARIAT PARLIMEN

Pentadbiran Parlimen Malaysia diketuai oleh Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Parlimen Malaysia. Sementara itu, Setiausaha Dewan Negara dalam urusan Mesyuarat Dewan Negara manakala Setiausaha Dewan Rakyat bertanggungjawab dalam urusan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekretariat Parlimen dibahagi kepada beberapa Bahagian yang dianggotai seramai 353 perjawatan seperti berikut:-

- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Bahagian Komunikasi Korporat
- Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan
- Bahagian Pengurusan Dewan Negara
- Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat
- Bahagian Pengurusan
- Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol
- Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan dan Landskap
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Bahagian Keselamatan
- Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen



SOALAN LAZIM

1. Apakah fungsi Parlimen?

Parlimen adalah badan perundangan bagi Kerajaan Persekutuan yang melulus dan meminda undang-undang Persekutuan, memeriksa dasar-dasar kerajaan serta meluluskan bajet kerajaan dan cadangan cukai yang baru.

2. Bilakah Parlimen bersidang untuk kali pertama?

Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Pertama telah diadakan pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang yang kini dikenali sebagai Pusat Pelancongan Malaysia atau MaTiC.

3. Bilakah bangunan Parlimen Malaysia dirasmikan?

Bangunan Parlimen telah dirasmikan pada 2 November 1963.

4. Berapakah bilangan Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat?

Bilangan Ahli Dewan Negara adalah tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan iaitu tidak melebihi daripada 70 orang ahli pada satu-satu masa, dengan kadarnya seperti berikut:

- dua orang ahli bagi setiap negeri yang dipilih mengikut Jadual Ketujuh;
- dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- empat puluh orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tempoh jawatan seseorang Senator (Ahli Dewan Negara) ialah tiga tahun dan boleh dilanjutkan kepada dua penggal yang mana Dewan Negara dan ahlinya tidak terjejas dengan pembubaran Parlimen.

Bilangan Ahli Dewan Rakyat adalah tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan iaitu seramai 222 orang yang dipilih melalui sistem Pilihan Raya.

Seorang ahli tidak boleh memegang kedua-dua keahlian dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam satu masa.

5. Siapakah yang boleh dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat?

Yang di-Pertua Dewan Negara dilantik berdasarkan kepada Fasal (1) Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan dan beliau dilantik daripada kalangan Ahli Dewan Negara itu sendiri. Manakala Yang di-Pertua Dewan Rakyat dilantik berdasarkan kepada peruntukan Fasal (1) (a) Perkara 57, Perlembagaan Persekutuan dan beliau boleh dipilih daripada kalangan Ahli Dewan ataupun seseorang yang layak dipilih menjadi Ahli.

6. Siapakah yang boleh dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat?

Berdasarkan kepada peruntukan Fasal (1) Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan, seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara hendaklah dilantik daripada kalangan Ahli Dewan Negara. Bagi Dewan Rakyat, dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah dilantik berdasarkan kepada Fasal (1) (b) Perkara 57 yang mana mereka dipilih daripada kalangan Ahli Dewan Rakyat.

7. Apakah peraturan yang diguna pakai ketika perbahasan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat?

Peraturan yang diguna pakai ketika perbahasan di Dewan Negara adalah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan bagi Dewan Rakyat, peraturan yang diguna pakai adalah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

8. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “Penggal Parlimen”?

Secara umumnya, “penggal” adalah tempoh permulaan sidang Parlimen hingga penghujung persidangan pada setiap tahun.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “mesyuarat”?

Secara lazimnya, Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing bermesyuarat 3 kali sahaja dalam satu penggal (satu tahun), yang dikenali sebagai Mesyuarat Pertama, Mesyuarat Kedua dan Mesyuarat Ketiga.

10. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “prorog”?

Prorog adalah tamatnya satu penggal Parlimen untuk digantikan dengan penggal yang berikutnya.

11. Bilakah Parlimen boleh dibubarkan?

Pembubaran Parlimen adalah berdasarkan kepada Fasal (3) Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa Parlimen boleh dibubarkan selepas 5 tahun dari tarikh Mesyuarat Pertama atau pada bila-bila masa yang lebih awal.



12. Terangkan prosedur untuk melawat Parlimen Malaysia?

Semua pelawat sama ada individu atau kumpulan, institusi dan pertubuhan dalam dan luar negara boleh mengunjungi Parlimen Malaysia.

Pelawat dikehendaki menepati masa lawatan yang telah dipersetujui.

Pelawat akan memasuki bangunan Parlimen selepas mereka melalui pemeriksaan keselamatan rapi dan melalui mesin pengimbas bagi tujuan keselamatan di Pintu 7.

Lawatan hanya dibenarkan semasa hari dan waktu bekerja sahaja.

Pelawat yang ingin membuat permohonan lawatan perlu mengikuti peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Segala urusan lawatan dikendalikan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Parlimen Malaysia. Surat permohonan lawatan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut untuk kelulusan:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Tingkat 8, Blok Menara,

Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen,

50680 Kuala Lumpur

Tel: +(603) 2601 7329 / 7330

Faks: +(603) 2072 7436

E-mel: info@parlimen.gov.my / pro@parlimen.gov.my

- ii) Surat permohonan hendaklah mencatatkan nombor telefon dan faks pemohon.
- iii) Selain itu, permohonan lawatan juga boleh dikemukakan secara atas talian melalui borang permohonan atas talian.
- iv) Pelawat dikehendaki menunjukkan surat kebenaran lawatan di Balai Pengawal, pintu masuk utama kompleks Parlimen. Ketua rombongan dikehendaki membawa senarai lengkap pelawat yang mengandungi nama penuh, nombor kad pengenalan serta alamat terkini. Hanya mereka yang disenaraikan sahaja dibenarkan masuk mengikuti persidangan.
- v) Semua pelawat perlu mematuhi tatacara berpakaian semasa berada di Bangunan Parlimen. Tatacara berpakaian adalah seperti dibawah:

KOD ETIKA BERPAKAIAN SERTA PERATURAN-PERATURAN BAGI PELAWAT-PELAWAT AWAM SEMASA BERADA DI PARLIMEN MALAYSIA

PAKAIAN YANG DIBENARKAN

LELAKI

1. *Lounge Suit* dan bertali leher
2. Baju kemeja lengan panjang dan bertali leher
3. Baju batik lengan panjang
4. Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok
5. Seluar panjang berwarna gelap (*slack*)
6. Kasut kulit

WANITA

1. Baju kurung atau kebaya labuh / *blouse* berlengan panjang
2. Skirt panjang di bawah paras lutut
3. Sari dan *blouse* berlengan dan pakaian kebangsaan kaum-kaum lain
4. Seluar panjang (*slack*)
5. Lain-lain pakaian yang kemas dan sopan
6. Berkasut

PELAJAR SEKOLAH

1. Pakaian seragam sekolah

PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Baju tanpa lengan
2. Jaket
3. Seluar jeans
4. Pakaian ketat dan mencolok mata
5. Selipar / kasut sukan
6. Baju berkolar bulat
7. Baju-T

PELAWAT TIDAK DIBENARKAN:

1. Membawa kanak-kanak di bawah umur enam tahun
2. Merokok di kawasan Parlimen
3. Mengambil gambar ketika berada di dalam Bangunan Parlimen
4. Membawa masuk telefon bimbit, kamera dan lain-lain alat telekomunikasi ke dalam Dewan Negara / Dewan Rakyat (Peralatan ini akan disimpan di Kaunter Pengawal Pintu 7)
5. Membawa peralatan merbahaya yang boleh mengancam keselamatan



31



**JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA**

Diterbitkan oleh :

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi
dan Multimedia Malaysia**

Laman Web: www.penerangan.gov.my
E-mel: webmaster@inform.gov.my

B.018(B.M) JULAI 2019 (050.)

